

# Anwar anggap isu 2 ADUN PKR selesai

m/s: 15

BH - 29/11/2019

EXCO beri penjelasan, mohon maaf  
sebabkan masalah dalam pentadbiran

Oleh Fairuz Zaidan  
dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh@nstp.com.my

**Kuala Lumpur:** Isu dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari PKR yang tidak mengundi Pengerusi PKR Melaka, Datuk Abdul Halim Bachik sebagai Ahli Dewan Negara, dianggap selesai.

Kedua-dua ADUN berkenaan yang juga EXCO Melaka, Datuk Ginie Lim Siew Lin dan Datuk Muhamad Jailani Khami bertemu dengan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini, semalam.

Pertemuan itu diadakan beri-

kutan tindakan Siew Lin dan Muhamad Jailani bertindak keluar dari DUN Melaka sebelum usul melantik Abdul Halim sebagai Ahli Dewan Negara, dibacakan.

Anwar berkata, Siew Lim dan Muhamad Jailani sudah memberi penjelasan dan memohon maaf kerana menyebabkan kekeliruan sehingga wujud masalah dalam pentadbiran kerajaan Melaka.

Perbincangan mengenai lantikan Ahli Dewan Negara itu, katanya, akan dibuat secara dalaman parti, selain ia akan ditangguhkan sehingga persidangan DUN Melaka yang dijadual berlangsung Mac depan.



Anwar bersama Muhammad Jailani, Lim Siew Lin dan Abdul Halim di Melaka, semalam.

Selain itu, beliau berkata, tiada tindakan disiplin akan diambil terhadap Siew Lim dan Muhamad Jailani selepas beliau berpuas hati dengan penjelasan diberikan.

“Sokongan mereka kepada kerajaan negeri tidak berbelah bahagi, jadi tak timbul masalah keretakan dalam kerajaan Pakatan Harapan (PH) Melaka.

“Saya juga sudah sampaikan kepada Mat Sabu (Presiden Parti Amanah Negara, Mohamad Sabu), Lim Guan Eng (Setiausaha Agung DAP) dan pimpinan parti peringkat negeri.

“Mereka akan jelaskan kepada Ketua Menteri (Adly Zahari) jadi perkara ini tak membangkit, walaupun ada perbezaan pendapat,” katanya.

Kelmarin, kerajaan PH Melaka diuji apabila usul dibawa Adly, yang mencadangkan Abdul Halim sebagai Ahli Dewan Negara gagal mendapat sokongan majoriti ahli Dewan.

Usul itu hanya meraih 12 undi menyokong, berbanding 13 menolak kerana ketiadaan dua ADUN PKR itu.

Terdahulu, di Melaka, Majlis

Pimpinan Negeri (MPN) PKR Melaka mendesak, lembaga disiplin parti mengambil tindakan tegas terhadap Muhammad Jailani dan Siew Lin, kerana tidak menyokong usul perlantikan itu.

Desakan sebulat suara itu dicapai dalam mesyuarat majlis terabit.

Ketua Penerangan MPN PKR negeri, Mohammad Shariff Md Isa, berkata Lembaga Disiplin PKR didesak mengambil tindakan tegas terhadap dua pemimpin berkenaan kerana mencemarkan imej PKR dan PH.